

21 OCT 2001

Mahathir-PBB

M'SIA BERASA LEBIH SENANG JIKA PBB MAIN PERANAN UTAMA

Oleh: Mohd Kamel Othman & Ridzuan Zulkifli

SHANGHAI, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia berasa lebih senang jika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan utama bagi memerangi keganasan antarabangsa.

"Jika ia membabitkan mana-mana negara, tidak kira bagaimana kuat dan pengaruh sekalipun, mungkin ada sesetengah pihak yang tidak bersetuju," kata beliau pada persidangan media di sini hari ini.

Beliau berkata jika PBB mengambil inisiatif, negara-negara di dunia mungkin bersetuju dengan hala tuju dasar.

Dr Mahathir menarik perhatian mengenai "money laundering" dan perlunya mengesan wang kepunyaan kumpulan Osama Bin Laden.

"Itu adalah resolusi PBB dan semua negara mematuhi," kata beliau.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia berpuas hati bahawa serangan yang diketuai oleh Amerika Syarikat ke atas Afghanistan bukan peperangan terhadap Islam.

"Ia bukan peperangan menentang Islam dan ia juga bukan peperangan antara Amerika dan umat Islam. Ia adalah peperangan menentang keganasan.

"Jika ia peperangan menentang Islam, ia perkara mudah untuk menghancurkan 300 juta umat Islam dengan menggugurkan beberapa bom nuklear ke atas mereka yang bukan menjadi tujuannya sama sekali," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Amerika Syarikat telah memilih sasaran-sasaran tertentu yang dipercayai menjadi tempat persembunyian penganas.

"Malaysia berpuas hati bahawa ia bukan peperangan menentang Islam dan kami akan bekerjasama untuk memburu penganas walaupun kami mungkin tidak bersetuju dengan beberapa langkah yang diambil," kata beliau.

Mengenai pelampau agama, beliau berkata tiada negara yang mahu kumpulan seperti itu berada di negara mereka.

-- BERNAMA

MKO RBZ DC FAZ